



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

SEMPENA

MAJLIS SANTAPAN MALAM NEGARA

PADA

**19 OGOS 2019 [ISNIN]
BERSAMAAN 18 ZULHIJAH 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

ISTANA NURUL IMAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN; SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BINTI AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH. SETINGGI-TINGGI SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA; MAKA TELAH DIBERIKAN KEIZINAN OLEH-NYA UNTUK PADUKA ANAKANDA DAN PADUKA ANAKANDA RAJA PERMAISURI AGONG BERANGKAT MELAKUKAN LAWATAN RASMI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PERKENAN DARI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA UNTUK MENERIMA KEDATANGAN PADUKA ANAKANDA BERDUA DAN SETERUSNYA DIRAI-KAN PULA DALAM MAJLIS SANTAPAN DIRAJA YANG GILANG GEMILANG INI; ADALAH SUATU PENGHORMATAN YANG TINGGI BUAT PADUKA ANAKANDA BERDUA.

LAWATAN RASMI PADUKA ANAKANDA BERDUA BERTAMBAH GEMILANG DI-ATAS PERKENAN PADUKA AYAHANDA UNTUK MENGANUGERAHKAN BINTANG KEBESARAN DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI KEPADA PADUKA ANAKANDA; DAN DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI KEPADA PADUKA ANAKANDA RAJA PERMAISURI AGONG.

PENGHORMATAN INI BUKAN SAHAJA MENCERMINKAN PERSAHABATAN ERAT DI ANTARA KERAJAAN DAN RAKYAT KEDUA BUAH NEGARA; MALAHAN IANYA TURUT MELAMBAHKAN KETULUSAN SILATUL-RAHIM YANG TURUN TEMURUN DI ANTARA RAJA-RAJA MELAYU DI NUSANTARA INI.

PADA KESEMPATAN INI JUGA; PADUKA ANAKANDA BERDUA TURUT INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI JUNJUNGAN KASIH DI-ATAS KEBERANGKATAN PADUKA SERI AYAHANDA DAN PADUKA SERI BONDA SERTA KERABAT DI-RAJA BRUNEI DARUSSALAM KE ISTIADAT PERTABALAN PADUKA ANAKANDA PADA 30 JULAI YANG LALU.

KEBERANGKATAN PADUKA AYAHANDA DAN BONDA; BUKAN SAHAJA MENAMBAH SERI KEPADA ISTIADAT PERTABALAN TERSEBUT; MALAHAN AKAN SENTIASA MENJADI KENANGAN MANIS YANG AKAN KEKAL TERPAHAT DI-DALAM INGATAN PADUKA ANAKANDA BERDUA.

YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA DAN BONDA.

LAWATAN RASMI PADUKA ANAKANDA BERDUA MERUPAKAN LAWATAN NEGARA PERTAMA SETELAH PADUKA ANAKANDA DITABALKAN SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG. LAWATAN RASMI PADUKA ANAKANDA BERDUA PADA KALI INI ADALAH BAGAI MENGULANGI SEJARAH ANTARA KEDUA BUAH NEGARA.

PADA 21 APRIL 1984; ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH; ADALAH ANTARA PEMIMPIN NEGARA YANG TERAWAL MELAWAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELEPAS MENCAPI KEMERDEKAAN.

MENURUT SATU KAJIAN OLEH PAKAR SEJARAH MENTAFSIRKAN KEWUJUDAN PERTALIAN PERSAUDARAAN ANTARA KERAJAAN BRUNEI DARUSSALAM DENGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG; YANG BERMULA SEKITAR AKHIR ABAD KE-16; MELALUI PERKAHWINAN DI ANTARA SULTAN ABDUL GHAFOR DENGAN RAJA PUTERI ZOHRA; IAITU ANAKANDA KEPADA SULTAN SAIFUL RIJAL; SULTAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-TUJUH.

JELAS-NYA; HUBUNGAN ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA; BUKAN SAHAJA BERTAPAK DI BAWAH RUMPUN MELAYU DAN ISLAM; MALAHAN MEMPUNYAI PERTALIAN SEJARAH YANG BERSIMPUL ERAT RATUSAN TAHUN LAMA-NYA.

HUBUNGAN DUA HALA YANG TERJALIN SEJAK RATUSAN TAHUN LAMPAU, KINI TELAH BERKEMBANG SEHINGGA MENCAKUPI PELBAGAI BIDANG. KEJAYAAN INI DICAPAI BERKAT HASIL DAYA USAHA DAN PANDANGAN JAUH KERAJAAN PADUKA SERI AYAHANDA DAN KERAJAAN PADUKA ANAKANDA.

RUNDINGAN TAHUNAN ANTARA PEMIMPIN KEDUA-DUA NEGARA MERUPAKAN SATU MANIFESTASI KERJASAMA YANG UTUH BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN HUBUNGAN DUA HALA. PENDEKATAN INI TELAH MENJADI TIANG KERJASAMA KEDUA-DUA NEGARA DALAM MEMBINCANGKAN PELBAGAI ISU BAGI MENCAPAI KEPUTUSAN YANG BERMANFAAT KEPADA RAKYAT MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

MELALUI PENDEKATAN INI JUGA HUBUNGAN EKONOMI ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENJADI SEMAKIN KUKUH. PADA TAHUN INI SAHAJA; NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ADALAH RAKAN PERDAGANGAN MALAYSIA YANG PALING AKTIF DALAM KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN; DENGAN NILAI DAGANGAN BERJUMLAH 477 JUTA DOLLAR.

KERJASAMA DALAM BIDANG PERTAHANAN DAN KESELAMATAN TERUS KEKAL MENJADI ELEMEN TERPENTING DALAM HUBUNGAN KEDUA NEGARA. DALAM HAL INI; MALAYSIA AMAT MENGHARGAI PENEMPATAN PASUKAN KESELAMATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI DALAM BATALION MALAYSIA DALAM MISI BANGSA-BANGSA BERSATU DI LUBNAN; DAN PASUKAN PEMANTAUAN ANTARABANGSA DI SELATAN FILIPINA.

DARI ASPEK PEMBANGUNAN UMMAH, USAHA MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM MEMBANTU NASIB UMAT ISLAM DILIHAT SEBAGAI SATU TANGGUNGJAWAB BERSAMA.

SEMUA INI ADALAH MERUPAKAN PERSAMAAN NILAI NORMA YANG DIKONGSI OLEH MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. IANYA SECARA TIDAK LANGSUNG MENCERMINKAN PERSEFAHAMAN KEDUA-DUA NEGARA DALAM MENGHADAPI ISU SEJAGAT; KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN KEBAJIKAN UMMAH.

YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA DAN PADUKA BONDA.

PADA KESEMPATAN INI; TIDAK LEWAT RASA-NYA BAGI PADUKA ANAKANDA BERDUA UNTUK MENYEMBAH UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT HARI ULANGTAHUN KEPUTERAAN PADUKA AYAHANDA YANG KE-73 TAHUN; PADA 15 JULAI 2019 YANG LALU.

PADUKA ANAKANDA BERDUA DAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA BERDOA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA; SEMOGA DIANUGERAHKAN KEPADA PADUKA AYAHANDA DIRGAHAYU SELAMAT SENTOSA; SERTA DILANJUTKAN USIA DAN KEKAL BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA KERAJAAN DENGAN PENUH BERDAULAT DAN DENGAN SEGALA KEMULIAAN-NYA.

AKHIR KALAM; PADUKA ANAKANDA DAN PADUKA ANAKANDA RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DI ATAS PERKENAN PADUKA SERI AYAHANDA MENERIMA KUNJUNGAN PADUKA ANAKANDA BERDUA.

PADUKA ANAKANDA BERDUA JUGA MENGHARGAI SEGALA KEMUDAHAN DAN LAYANAN MESRA YANG DIPANJANGKAN KEPADA ROMBONGAN PADUKA ANAKANDA SEPANJANG BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG SENTOSA INI.

PADUKA ANAKANDA DAN PADUKA ANAKANDA RAJA PERMAISURI AGONG BERDOA SEMOGA PADUKA AYAHANDA DAN PADUKA BONDA; KERABAT DIRAJA BRUNEI; SERTA RAKYAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEKALIAN-NYA; DICUCURI DENGAN BERKAT JUA DAN BERTERUSAN DILINDUNGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

SEMOGA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KEKAL TERPELIHARA DAN DIKURNIAKAN KEBERKATAN; RAHMAT DAN HIDAYAH KE ARAH MENCAPAI "WAWASAN BRUNEI 2035."

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته